

Headline	Kempen 'Sejuta Pokok, Sejuta Impian'
Date	03. Apr 2009
Media Title	Harian Metro
Section	Variasi
Circulation	336603
Readership	2192000
Language	MALAY
Page No	9
Article Size	412 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color
AdValue	8858.91



SOKONG...Barnett (11 dari kanan) dan Dr Abdul Latif (10 dari kanan) bersama warga Shaklee memulakan kempen menanam pokok.

Kempen 'Sejuta Pokok, Sejuta Impian'

TIDAKLAH suskar mana untuk menanam pokok malah ia dilihat sebagai salah satu usaha menangani isu peremanasan global.

Sempena kempen "Sejuta Pokok, Sejuta Impian", Shaklee Malaysia turut melancarkan aktiviti menanam pokok di Taman Botani Kepong, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kempen berkenaan adalah kesinambungan usaha global Shaklee Corporation yang dilancarkan di Amerika Syarikat pada 2006.

Ia adalah cetusan ilham pemang Hadiah Nobel 2004, Dr Wangari Maathai menerusi aktiviti Pergerakan Green Belt yang diusahakannya.

Ketika itu, Shaklee mensasarkan untuk menanam sebanyak sejuta pokok di Amerika Utara bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu peremanasan global, selain membantu mengurangkan kandungan gas karbon dioksida.

Sejak dilancarkan, seramai 750,000 ahli dan pengedar Shaklee berganding bahu menjayakan kempen berkenaan dengan membabitkan masyarakat setempat di kawasan masing-masing di seluruh Amerika Utara.

Sehingga kini, lebih 900,000 anak pokok ditanam di seluruh Amerika Syarikat dan Kanada manakala pokok ke-sejuta dijangka ditanam pada Ogos ini.

Kejayaan kempen di Amerika Utara itu menggalakkan Shaklee Corporation untuk mengembangkan kempen terbabit ke Malaysia dengan tujuan meningkatkan kesedaran masyarakat di negara ini



Hari ini adalah hari amat penting bagi keluarga Shaklee di Malaysia kerana kita memulakan sesuatu yang dianggap sebagai sumbangan besar kepada bumi mahupun kehidupan manusia. Selain itu, kempen ini diharap dapat memupuk kesedaran masyarakat Malaysia mengenai kepentingan pemeliharaan bumi"

>Roger Barnett
Pengerusi dan
Ketua Pegawai Eksekutif
Shaklee Corporation

mengenai kesan peremanasan global serta menggalakkan masyarakat menanam pokok bagi memelihara alam semula jadi.

Kempen terbabit dirasmikan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (Frim), Datuk Dr Abdul Latif Mohmod.

Hadir sama, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Shaklee Corporation, Roger Barnett.

"Hari ini adalah hari amat penting bagi keluarga Shaklee di Malaysia kerana kita memulakan sesuatu yang dianggap sebagai sumbangan besar kepada bumi mahupun kehidupan manusia.

"Selain itu, kempen ini diharap dapat memupuk kesedaran masyarakat Malaysia mengenai kepentingan pemeliharaan bumi," kata Barnett.

Sebagai permulaan kempen, Shaklee Malaysia bekerjasama dengan Frim untuk menanam semula pokok di taman botani terbabit.

Shaklee Malaysia turut merancang mengadakan lebih banyak aktiviti penanaman pokok pada masa depan.

Selain itu, Shaklee berharap untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan berkenaan untuk menanam semula pokok di kawasan hutan miskin.

"Malaysia memiliki industri kesihatan berdasarkan sumber semula jadi yang mempunyai potensi besar untuk membangun.

"Justeru, peluang ini harus dimanfaatkan sebaiknya oleh rakyat negara ini," katanya.

Pada majlis berkenaan, Barnett dan Dr Abdul Latif serta pemimpin pemilagaan Shaklee Malaysia menanam pokok sebagai simbol bermulanya kempen Sejuta Pokok Sejuta Impian di Malaysia.

Majlis turut dihadiri Presiden Shaklee International, Bradford Richardson dan Pengurus Besar Shaklee Malaysia, Victor Lim.